

04/05/1998

Muhyiddin menuntut peserta sahut cabaran

ATLIT Jaya '98 harus menyahut amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya berkorban untuk Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI bagi memberikan prestasi cemerlang.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata dengan segala bantuan diberikan oleh kerajaan, termasuk kemudahan latihan dan pendedahan dalam pertandingan di luar negara, atlit harus membalas pelaburan besar itu.

"Saranan Perdana Menteri supaya atlit berkorban harus dijadikan dorongan dan atlit harus sedar harapan tinggi yang diletakkan oleh negara di atas bahu mereka."

"Mereka harus menumpukan sepenuh perhatian kepada latihan dan tidak memikirkan perkara kecil dan perlu sematkan semangat juang yang tinggi," katanya.

Dr Mahathir ketika berucap di majlis perhimpunan perdana bersama sukarelawan Sukan Komanwel 1998 (Nadi '98) di Seri Kembangan semalam, mahu atlit berkorban dan melupakan keseronokan.

Menurutnya, atlit yang terpilih dalam kontinjen negara haruslah memastikan berada pada tahap kecergasan yang tinggi untuk bertanding serta bersaing dengan jaguh Komanwel lain.

Muhyiddin pula berkata kontinjen negara mampu memenangi pingat dengan penumpuan fasa terakhir latihan kepada acara sukan yang boleh memberikan pingat emas.

Pada masa yang sama, katanya, amanat Perdana Menteri supaya atlit negara memenangi seberapa banyak pingat yang boleh agar tidak tertinggal di belakang dalam kedudukan pungutan pingat, tidak akan meletakkan tekanan kepada atlit.

"Saya rasa tidak akan ada tekanan daripada amanat Perdana Menteri kerana atlit kita sudah bersedia dan kukuh dari segi mental untuk menghadapi persaingan," katanya.

Muhyiddin juga berkata penganjuran Sukan Komanwel 1998 adalah medan ujian kepada negara untuk menjadi tuan rumah lebih banyak kejohanan lebih besar seperti Sukan Olimpik.

"Kita akan membuat tawaran menjadi tuan rumah Sukan Olimpik apabila kita rasa sudah bersedia tetapi bukan untuk masa yang terdekat ini."

"Sebelum itu, kita akan menumpukan perhatian kepada Sukan Komanwel 1998 serta Sukan Sea 2001 dan kita juga berharap akan dapat menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006," kata Muhyiddin.

(END)